

Dr M: Khazanah jual aset untuk bayar balik hutang dibuat Najib

Malaysiakini

20 September 2019

Lu Wei Hoong

Dana kekayaan berdaulat negara, Khazanah Nasional Bhd menjual asetnya untuk membantu kerajaan membayar hutang yang dilakukan pentadbiran terdahulu, kata Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad.

"Kamu harus ingat bahawa kerajaan sebelum ini meminjam lebih daripada RM1 trilion, itulah beban kepada kita. Mereka pinjam dan wangnya tidak dilaburkan, tetapi disembunyi dan dicuri.

"Jika wang dilaburkan, kita boleh pergi ke syarikat itu atau apa sahaja untuk mendapatkan wang, tetapi kita tidak tahu di mana wang itu.

"Pada masa ini kita perlu bayar cukai, semua aset yang kita jual adalah untuk membayar hutang kita. Itulah beban yang ditinggalkan oleh Najib (Razak)," kata Mahathir selepas merasmikan Piagam Warisan dan Budaya Tanah air di Kuala Lumpur hari ini.

Mahathir juga mempengerusikan lembaga pengarah Khazanah.

Pemimpin Umno, termasuk Najib mengkritik langkah kerajaan berhubung pelupusan aset oleh Khazanah baru-baru ini termasuk menjual Pusat Perubatan Prince Court di ibu negara.

Khazanah mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM6.3 bilion pada 2018 yang kebanyakannya disebabkan kos melibatkan Malaysia Airlines Bhd (MAS).

Pada awal tahun ini, lembaga Khazanah telah memberi mandat baru kepada syarikat penerbangan negara itu untuk menyusun semula dan memperoleh lebih banyak tunai kepada kerajaan dengan melupuskan aset bukan strategik.

Najib 'bodoh'

Mahathir juga menyelar Najib kerana mengkritik keputusan kerajaan untuk tidak membina dua daripada empat kapal, sebaliknya dibeli dari China.

"Dia banyak bercakap, termasuk membeli kapal-kapal dari China, bukan keputusan kita.

"Dia kata bodoh tetapi dia (merujuk) dirinya sendiri? Dia yang beli (kapal)," kata Mahathir.

Pada 2017, kerajaan Najib memberikan komitmen terhadap kontrak bernilai RM1.17 bilion bagi empat buah kapal itu, dua daripadanya sepatutnya dibina oleh Boustead Heavy Industries Corp.

Pentadbiran sekarang berkata keputusan tidak membina dua kapal berkenaan akan menjimatkan sebanyak RM122 juta. Bagaimanapun Najib berkata projek itu baik untuk ekonomi tempatan.

Kapal pertama daripada empat kapal itu dilancarkan oleh China Shipbuilding & Offshore International Co di Wuhan, China, namun belum diserahkan secara rasmi.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/492707>